



**KENYATAAN AKHBAR**  
**YB DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**KENYATAAN BERHUBUNG RANG UNDANG-UNDANG RACUN**  
**(PINDAAN) 2019**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan terbaik yang menjurus ke arah kesejahteraan rakyat. Sehubungan dengan ini, KKM ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan pada 29 November 2019 bertajuk ***MMA slams proposed fine, jail for doctors refusing to give prescription slips*** di laman sesawang Free Malaysia Today (FMT) dan beberapa laporan lain berkaitan perkara yang sama.

Berhubung dakwaan sesetengah pihak bahawa pengamal perubatan akan terus dikenakan hukuman penjara sekiranya tidak mengeluarkan preskripsi atas permintaan pesakit, KKM ingin menegaskan bahawa dakwaan ini adalah **tidak benar**. Sebelum satu preskripsi boleh dikeluarkan, pesakit mesti terlebih dahulu menjalani sesi konsultasi dengan seorang pengamal perubatan berdaftar. **Konsultasi merupakan asas untuk preskripsi dikeluarkan kepada pesakit.** Ini bermaksud pesakit tidak sewenang-wenangnya boleh berjumpa dengan pengamal perubatan berdaftar dan menuntut apa jua preskripsi dikeluarkan.

Akta Racun 1952 memperuntukkan bahawa seorang pengamal perubatan berdaftar, pengamal pergigian berdaftar atau pegawai veterinar boleh membekalkan racun (ubat) untuk **tujuan rawatan pesakitnya atau pelanggannya.**

Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 (Bacaan Pertama di Dewan Rakyat) antara lain memperkenalkan peruntukan baru yang **mewajibkan pengamal perubatan berdaftar untuk mengeluarkan preskripsi sekiranya diminta oleh pesakitnya**. Niat peruntukan ini adalah bagi memastikan **hak pesakit dijamin dengan diberi pilihan setelah selesai sesi konsultasi** untuk menentukan tempat mendapatkan bekalan ubat bagi rawatannya, samada di fasiliti perubatan itu sendiri atau di sebuah farmasi luar.

KKM ingin menegaskan bahawa cadangan peruntukan baru ini **tidak menyekat pengamal perubatan berdaftar untuk membekalkan ubat kepada pesakitnya** sekiranya pesakit memilih untuk mengambil ubat di fasiliti perubatan mereka sepertimana amalan semasa.

KKM juga ambil maklum bantahan beberapa pihak terhadap jenis hukuman yang dikenakan sekiranya peruntukan ini tidak dipatuhi. Setelah perkara ini dibincangkan dengan Pengurusan Tertinggi KKM, Majlis Penasihat Kesihatan (HAC) dan Kamar Peguam Negara, KKM bersetuju untuk meneliti semula perkara ini dan akan membentangkan cadangan penambahbaikan dalam masa terdekat.

Pautan:

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2019/11/29/mma-slams-proposed-fine-jail-for-doctors-refusing-to-give-prescription-slips/>

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**1 DISEMBER 2019**